



18 Jun 2012
18 June 2012
P.U. (A) 183

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH BANK DAN INSTITUSI-INSTITUSI
KEWANGAN (ABRAR DISCOUNTS BERHAD)
(PENGAMBILAN ALIH KAWALAN) (PINDAAN) 2012

*BANKING AND FINANCIAL INSTITUTIONS (ABRAR
DISCOUNTS BERHAD) (ASSUMPTION OF CONTROL)
(AMENDMENT) ORDER 2012*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA BANK DAN INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN 1989

PERINTAH BANK DAN INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN
(ABRAR DISCOUNTS BERHAD) (PENGAMBILAN ALIH KAWALAN)(PINDAAN) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 73(2) dibaca bersama subseksyen 73(3) Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 [Akta 372], Menteri, atas syor Bank membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Bank dan Institusi-Institusi Kewangan (Abrar Discounts Berhad) (Pengambilan Alih Kawalan) (Pindaan) 2012**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 22 Disember 2011.

Pindaan perenggan 3

2. Perintah Bank dan Institusi-Institusi Kewangan (Abrar Discounts Berhad) (Pengambilan Alih Kawalan) 2006 [*P.U. (A) 432/2006*] dipinda dengan menggantikan perenggan 3 dengan perenggan yang berikut:

“3. Tempoh pemberian kuasa di bawah perenggan 2—

(a) hendaklah tidak melebihi tempoh permulaan dua tahun bermula dari 22 Disember 2006 dan boleh dipanjangkan bagi tiga tempoh lagi yang berturut-turut tidak melebihi satu tahun setiap satunya, sebagaimana yang diputuskan oleh Bank menurut subseksyen 74(1) Akta; dan

(b) dipanjangkan dari 22 Disember 2011 hingga 31 Disember 2012 menurut Perintah Bank dan Institusi-Institusi Kewangan (Prokhas Sdn. Bhd.) (Pengecualian) 2012 [*P.U. (A) 182/2012*].”